

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA PROF. DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM PENGHAYATAN ISRAK DAN
MIKRAJ**

**9 JANUARI 2025 | KHAMIS | 8.00 MALAM
SURAU IBNU SINA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Madya Dr. Norazmir Md. Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Al-Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi bin Haji Sabari
Ketua Unit Hal Ehwal Islam

Daie Izzhar Nazri
Selaku Penceramah Jemputan

Para pelajar yang dikasihi, warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada malam yang berbahagia ini bagi menjayakan **Program Penghayatan Israk dan Mikraj.**
2. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.
3. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atas

penganjuran program pada malam ini dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Harmoni, Briged Sukarelawan UCS dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Rafflesia.

4. Satu kerjasama yang cukup baik dalam menjayakan program-program kerohanian di kampus ini.

Hadirin yang saya hormati,

5. Setiap tahun, pada tanggal 27 Rejab, kita akan bersama menghayati peristiwa hebat Israk dan Mikraj, sebuah perjalanan agung Nabi Muhammad SAW dalam menerima tanggungjawab sebagai pemimpin ummah serta kewajipan bagi setiap muslim untuk menunaikan ibadah solat yang menjadi kunci kepada kejayaan dalam kehidupan.

6. Hari ini kita sudah berada di bulan Rejab dan tidak lama lagi akan bertemu dengan bulan yang dinantikan iaitu Bulan Ramadan.
7. Saya menyeru diri sendiri dan para pelajar sekalian agar kita sama-sama mengambil peluang di bulan Rejab yang mulia ini untuk menyucikan badan, dan di bulan Syaaban kita menyucikan hati agar di bulan Ramadan kita dapat menyucikan roh yang akhirnya kita akan kembali kepada fitrah yang bersih pada bulan Syawal – insyaAllah.
8. Melalui program pada malam ini, besar harapan saya agar hadirin semua, khususnya para pelajar dapat menghayati dan mengambil iktibar berdasarkan kisah perjalanan luar biasa Nabi SAW di malam Israk dan Mikraj.

Mahasiswa Mahasiswi yang dikasihi,

9. Sesungguhnya perjalanan menuntut ilmu tidak lari daripada merasakan penat dan lelahnya.

10. Saya juga pernah berada di tempat kalian suatu ketika dahulu dan saya pasti, ada masa kita merasa kecewa, ada masa kita berduka dan ada masa kita bergembira.

11. Sewajarnya sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang beragama Islam, saya nasihatkan anda berusaha mengambil pelajaran dan mencontohi Nabi SAW untuk tidak mudah menyerah atas ujian dan cubaan yang datang silih berganti dalam kehidupan.

12. Kita harus yakin di setiap kesukaran pasti munculnya kesenangan di akhirnya.

13. Oleh yang demikian, teruslah kekal bersemangat memegang amanah dan

tanggungjawab dalam menuntut ilmu, kerana setiap cabaran yang dihadapi merupakan proses yang akan mematangkan anda untuk melangkah lebih jauh.

14. Tuntutlah ilmu untuk meraih redha Allah kerana anda semua adalah pemimpin pada masa akan datang.
15. Percayalah, anda adalah harapan ibu bapa dan para pendidik, generasi yang akan memartabatkan agama, bangsa dan negara di mata dunia.
16. Pesan Imam Syafie r.a *“Jika kamu tidak tahan lelahnya belajar, maka kamu akan menanggung peritnya kebodohan.”*

Hadirin sekalian,

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya juga ingin menyeru kepada warga UCS agar terus menerus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berimpak agar universiti kita kekal eleven dan menjuarai dunia.
18. Dan tidak dilupa, agar kita kekal mengakar ke bumi supaya kita tidak lupa asal usul kita.
19. Sekali lagi jutaan tahniah diucapkan kepada Unit Hal Ehwal Islam diatas penganjuran program ini.
20. Akhir kata, saya turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik UHEI atas kerjasama penganjuran program ini.
21. Terima kasih kepada semua yang terlibat - Semoga segala usaha dan pengorbanan yang

dilakukan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran di sisi Allah SWT.

Malam tenang langit terbuka,
Rasul diangkat ke Sidratul Muntaha,
Israk Mikraj jangan dilupa,
Tanda kebesaran Allah Yang Esa.

22. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Penghayatan Israk dan Mikraj.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**